

## **Sentuhan Langsung PM Bangunkan Sosio-Ekonomi Kaum India**

**Bernama**

**Feb 19, 2016**

**Oleh Kisho Kumari Sucedaram**

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) berasaskan kaum India di Malaysia mungkin mempunyai perbezaan pendapat mengenai pelbagai isu namun mereka bersetuju dalam satu perkara - bahawa di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak, masyarakat India telah menyaksikan pelbagai usaha lebih konkrit oleh kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi mereka.

Mereka mengakui pelbagai pendekatan yang dilaksanakan Perdana Menteri bagi menangani rasa tidak puas hati masyarakat India, pengawasan langsung terhadap inisiatif yang diambil untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah Tamil, memperkasa golongan usahawan India dan menyediakan peruntukan kepada pelbagai NGO yang terlibat dalam projek-projek khusus ke arah meningkatkan taraf sosio-ekonomi kaum India.

Pada 21 Feb, Najib, yang menjadi Perdana Menteri Malaysia keenam pada 2009, akan genap 40 tahun berkecimpung dalam politik. Beliau berusia 22 tahun ketika menceburkan diri ke dalam dunia politik selepas bapanya, Tun Abdul Razak Hussein, meninggal dunia akibat leukemia pada 14 Jan 1976.

### **LUAR BIASA**

Najib turut disanjung kerana peranan pentingnya dalam penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Masyarakat India pada 2008, yang ketika itu beliau merupakan Timbalan Perdana Menteri. Pembentukan jawatankuasa peringkat tinggi itu, yang dipengerusikan beliau, adalah susulan daripada kemerosotan sokongan daripada masyarakat India kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 2008, menyaksikan hampir 85 peratus undi kaum India dilaporkan berpihak kepada pakatan pembangkang.

Pada majlis makan malam tahunan ke-25 MIC Ipoh Barat di Ipoh April lalu, Presiden parti Datuk Seri Dr S. Subramaniam memberi penghormatan kepada Najib, dengan menyifatkan beliau sebagai "Perdana Menteri yang luar biasa dan banyak berjasa kepada masyarakat India".

"Melalui usaha beliau, banyak perubahan dilakukan kepada masyarakat India.

Kami akan menyokong kepimpinan beliau, supaya agenda untuk membantu masyarakat kami boleh diteruskan dengan cara positif dan menyeluruh," kata Subramaniam.

Pada 2010, Najib memulakan pembentukan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Masyarakat India (SITF) yang dipengerusikan oleh Subramaniam, khusus untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang sekian lama dihadapi masyarakat tersebut.

Antara perkara pertama yang dilaksanakan SITF adalah menangani masalah dokumen pengenalan diri yang sah berikutan terdapat dakwaan bahawa kira-kira 300,000 kaum India di Malaysia yang

tidak memiliki MyKad, kewarganegaraan malah, sijil kelahiran.

Pada Februari 2011, SITF, dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), melancarkan program MyDaftar dan setakat ini berjaya membantu 15,000 kaum India tidak berdaftar untuk mendapatkan dokumen pengenalan yang sah.

## **KAUM INDIA TIDAK BERDAFTAR**

Ketua Penyelaras SITF Datuk N. Siva Subramaniam berkata Najib benar-benar memberikan kaum India, yang sebelum ini "tanpa kerakyatan", satu nafas baharu kehidupan kerana dengan memiliki dokumen sah, mereka dapat mendaftarkan diri di sekolah-sekolah dan juga mendapatkan pekerjaan.

"Mereka kini setara dengan orang lain dalam masyarakat ... anda boleh lihat kegembiraan di wajah kanak-kanak, ibu bapa mereka dan golongan tua sebaik sahaja mendapat sijil kelahiran dan kewarganegaraan mereka.

"Kanak-kanak boleh pergi ke sekolah dan mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Dengan adanya status kewarganegaraan, mereka boleh menikmati faedah-faedah yang ditawarkan oleh kerajaan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Siva Subramaniam, yang merupakan bekas Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia dan telah berkhidmat dengan kerajaan di bawah kepimpinan tiga orang Perdana Menteri, berkata peningkatan ketara dalam kualiti hidup masyarakat India Malaysia tampak jelas di bawah pentadbiran kerajaan sekarang.

Beliau berkata masalah utama yang dihadapi oleh kaum India, terutamanya mereka yang tidak mempunyai dokumen rasmi dan tidak berpendidikan, adalah ketidakmampuan untuk berkomunikasi dengan kakitangan kaunter di pejabat JPN.

Menurut Subramaniam, masalah mereka telah dibawa ke perhatian Najib dan hasil campur tangan beliau, 65 pegawai berketurunan India dilantik tiga tahun lalu untuk membantu kaum India mendapatkan perkhidmatan di JPN.

"Selama 33 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, saya tidak pernah melihat usaha seumpamanya dilakukan sebelum ini bagi membolehkan kaum India yang terpinggir dimasukkan ke dalam arus perdana masyarakat. Kita tidak mungkin mencapai kejayaan 100 peratus tetapi sekurang-kurangnya, keadaan telah mula berubah sekarang. Saya amat menghormati Najib," katanya.

## **KEPUTUSAN TEPAT**

Najib juga bertanggungjawab dalam penubuhan Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) dan Unit Khas Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) bagi menyediakan pelbagai bantuan yang amat diperlukan kepada perusahaan kecil dan sederhana serta membantu mempertingkatkan status sosio-ekonomi masyarakat berkenaan.

Dalam bidang pendidikan, Najib memainkan peranan penting dalam penubuhan Unit Pembangunan Sekolah Tamil dan Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah Tamil.

Kesemua unit khas dan sekretariat berkenaan diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.


Sementara itu, pada November tahun lepas, Perdana Menteri meluluskan peruntukan persekutuan berjumlah RM100 juta, untuk disalurkan kepada untuk 380 NGO melalui SEDIC. Dana itu akan digunakan untuk memperbaiki kehidupan 40 peratus daripada 2.6 juta kaum India di negara ini yang dikatakan hidup di bawah garis kemiskinan.

Satu laporan pada awal bulan ini menyatakan bahawa sejak Najib menjadi Perdana Menteri, kerajaan telah meluluskan RM760 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Sehingga kini, sejumlah 524 sekolah di seluruh negara mendapat manfaat.

Presiden Yayasan Tamil Malaysia Raghavan Annamalai berkata Perdana Menteri telah membuat keputusan yang tepat dengan menyalurkan dana RM100 juta itu melalui pelbagai NGO.

"NGO adalah lebih berkesan dalam usaha-usaha melaksanakan projek-projek untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi kaum India," katanya.

Raghavan berkata yayasan itu menggunakan dana kerajaan untuk menjalankan program yang dikenali sebagai Ibu bapa Memastikan Peningkatan Akademik Anak, yang lebih dikenali sebagai IMPAK, untuk melatih ibu bapa membantu anak-anak masing-masing mencapai prestasi lebih baik di sekolah dan bagi membolehkan mereka mengorak langkah membina kehidupan.

Beliau berkata setakat ini 10,000 ibu bapa telah menyertai program itu, yang dijalankan selama 10 minggu dan bertujuan membina jambatan perhubungan antara rumah dan sekolah, serta ibu bapa dengan anak-anak mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217543>